

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : SELANGOR KINI

TARIKH : 24 FEB 2017 (JUMAT)

Hari Tanpa Kenderaan terus dapat sambutan

S'gala aktiviti

SHAH ALAM - Program Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan 2017 edisi kedua terus mendapat sambutan dengan penyertaan lebih 1,000 orang awam.

Bertempat di Dataran Kemerdekaan, edisi itu disempurnakan Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad, pada 12 Februari lalu.

Bermula jam 6.30 pagi, orang ramai dilihat mula memenuhi pusat bandar raya dengan menggunakan 'roller blade', papan luncur, 'hover board' dan 'skuter blade'.

Aktiviti riadah lain termasuk

pelepasan acara jalan kaki, larian, berbasikal, senamrobik dan persembahan pentas kombo MBSA.

Selain itu, turut disediakan jualan makanan 'food truck', pameran dan jualan hasil seni, produk hijau, jualan baja kompos juga sayur-sayuran.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, program berkenaan diadakan setiap hari Ahad, minggu kedua setiap bulan.

"MBSA berhasrat melahirkan warga Shah Alam dengan gaya

hidup sihat serta mengurangkan pelepasan gas karbon monoksida yang boleh mencemar alam sekitar.

"Kami juga mahu memberi fokus terhadap aspek penjagaan alam sekitar ke arah menjadikan Shah Alam bandaraya rendah karbon, menjelang tahun 2030," katanya.

Bagi menjamin kelancaran program itu, MBSA menutup beberapa jalan termasuk Persiaran Bandaraya (Dataran Kemerdekaan), Persiaran Perbandaran, Persiaran Tasik, Persiaran Masjid, Persiaran Dato' Menteri dan Persiaran Damai.

